

Urus Setia
Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-10
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

(U.P.: Dr. Rozita Che Rodi)

PENGHANTARAN ABSTRAK DAN MAKALAH

Abstrak tidak melebihi 200 patah perkataan berserta biodata pemakalah (lebih kurang 50 patah perkataan) hendaklah die-melkan kepada zazh@upm.edu.my (Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah) selewat-lewatnya pada **15 NOVEMBER 2017**. Setiap abstrak perlu mengemukakan lima kata kunci.

Makalah penuh yang tidak melebihi 10 halaman bertaip langkau sebaris menggunakan *MS Word* dengan fon *Arial* bersaiz 10 hendaklah sampai ke Urus Setia sebelum atau pada **31 DISEMBER 2017** dengan menggunakan e-mel yang sama untuk penghantaran abstrak. Makalah yang lewat dan tidak disertakan dengan yuran tidak akan dipertimbangkan untuk prosiding dan pembentangan.

YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran bagi pemakalah dan peserta seminar adalah seperti yang berikut:

Pembentang individu	RM450.00
Pembentang pelajar	RM350.00
Pembentang berkumpulan (3 org)	RM1200.00
Pembentang pelajar berkumpulan (3 org)	RM1000.00
Peserta individu	RM400.00
Peserta pelajar	RM300.00
Peserta kumpulan (3 org)	RM1,000.00
Peserta pelajar berkumpulan (3 org)	RM800.00

(Bayaran ini termasuk pakej seminar selama 2 hari, buku program, prosiding dalam salinan CD, beg seminar, serta minum pagi dan makan tengah hari).

Yuran pendaftaran hendaklah dibuat atas nama **BENDAHARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (No. Akaun CIMB 8002151963)**. Bukti pembayaran hendaklah die-melkan kepada Puan Ernawita Atan (erna@upm.edu.my) atau dihantar dengan whatsapp ke no. telefon +6019-2172302. Tarikh akhir pembayaran yuran pendaftaran adalah pada 31 Disember 2017. Hanya peserta seminar dibenarkan untuk membuat pembayaran secara tunai pada hari pendaftaran.

MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia
Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-10
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
No. Tel:
+603-89468761 (Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz)
+603-89468485 (Dr. Rozita Che Rodi)
+603-89468787 (Pejabat Am Jabatan Bahasa Melayu)

E-mel: ita_cherodi@upm.edu.my / salpbm10@gmail.com
Website: salpbm10.blogspot.my



Seminar Antarabangsa

Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu

Ke-10

"Bahasa dan Sastra Melayu Warisan Budaya Bangsa"

6 - 7 Februari 2018

Hotel Perdana
Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

Anjuran:

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor

dan

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

dengan kerjasama

Universiti Malaysia Kelantan



LATAR BELAKANG

Sesungguhnya dalam perjalanan sejarah peradaban Melayu selama hampir 1500 tahun telah terbina sejumlah khazanah ilmu berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang kehidupan, pengetahuan, peralatan dan kemahiran, seperti juga peradaban bangsa yang lain. Khazanah itu mencakupi bidang ilmu pengetahuan (persuratan, tradisi lisan), pemerintahan, perundangan, perubatan (pelbagai herba, amalan perubatan tradisional), pembinaan (rumah, istana, masjid, perahu besar, dll.), perdagangan, pakaian (songket, batik), pemakanan, persenjataan (keris, lembing, badik, bedil, meriam, dll.), perhiasan (loket, anting, cincin, gelang, kerongsang, dll.), peralatan (perumahan, pertanian, perikanan, perdagangan, peperangan, kerajaan, dll.), kesenian, permainan, hiburan, dan sebagainya. Khazanah ini melampiasikan hakikat bahawa bahasa Melayu telah menjadi wahana utama untuk menandakan peradaban Melayu.

Namun dalam senario semasa, dengan peradaban yang terbina daripada keintelektualan yang ternukil daripada tampuk budaya asing, dapat kita saksikan amalan yang tidak akur dengan peradaban Melayu masih berlaku waima kuasa dalam genggamannya bangsa Melayu. Polemik berlaku dalam pelbagai dimensi kehidupan bangsa, pemimpin muda mencaci cela pemimpin tua yang berjasa, amalan makan suap semacam pola iktisad menyara hidup mewah, peradaban bangsa merangkak lesu dan layu walaupun meriah dengan teriakan mendayu-dayu di samping pelbagai amalan budaya yang jelik dapat kita saksikan.

Di sebalik senario ini, tersirat kealpaan kita mencungkil menggali permata peradaban daripada khazanah bangsa yang terbenam di lubuk pustaka di seantero buana. Lantas bangsa Melayu mengatur pencak silat mencebik melaung agar bahasa Melayu dijadikan bahasa yang bermartabat hatta di persada buana agar budaya tinggi yang mempengaruhi kehidupan mereka selama ini dapat dilestarikan. Namun kemenjadiannya masih kurang ketara. Lantas, khalayak khususnya para sarjana ketumpulan minat untuk terus mencebur idea dalam perjuangan sebegini. Justeru, gelanggang alternatif harus diteroka untuk menjadi wahana menggapai matlamat yang sama. Gelanggang alternatif baharu menampilkan bahasa sebagai warisan budaya yang berupaya untuk mengembalikan maruah peradaban Melayu sebagai mahawangsa. Semakin luas penggalian dan pengkajian terhadap khazanah warisan bangsa ini maka kian mapanlah peradaban bangsa.

Justeru, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM mengambil inisiatif menganjurkan seminar ini untuk menelusuri seluas mungkin khazanah peradaban Melayu di seluruh pelosok buana, dan mengajak masyarakat antarabangsa bukan sahaja meninjau secara retrospektif khazanah tersebut tetapi juga berusaha untuk mengemudikannya secara prospektif untuk masa hadapan peradaban bangsa yang lebih gemilang.

OBJEKTIF SEMINAR

Seminar ini berfokus kepada perbincangan tentang isu yang berkaitan dengan tema, iaitu "Bahasa dan Sastera Melayu Warisan Budaya Bangsa". Secara khusus, tujuan utama seminar ini adalah untuk:

- mengumpulkan hasil penyelidikan dan penulisan para ilmuwan dalam pelbagai disiplin ilmu dalam bahasa Melayu yang melonjakkan peradaban Melayu;
- membina repositori dan wadah tentang bahasa warisan bangsa; dan
- meneroka dan menggiatkan pemikiran tentang bahasa Melayu pada masa lampau dan akan datang.

PESERTA SASARAN

Seminar ini terbuka kepada sejumlah 350 - 500 orang peserta dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada ahli akademik; pentadbir dan profesional pelbagai bidang; guru dan pelatih guru; pelajar, mahasiswa dan siswazah; pegawai penyelidik bahasa, linguistik dan persuratan Melayu; ahli bahasa dan linguistik serta persuratan Melayu; dan pencinta bahasa, linguistik dan persuratan Melayu.

PEMAKALAH DAN MAKALAH

Seminar ini terhad kepada 100 orang pemakalah. Pemakalah terbuka kepada para cendekiawan, profesional, sarjana, ahli penyelidik bahasa, linguistik, persuratan, sastera, kebudayaan dan peradaban Melayu dari dalam dan luar negara. Skop makalah hendaklah berdasarkan kajian yang meliputi penerapan teori dan penemuan terkini yang dikaitkan dengan tema seminar "Bahasa dan Sastera Melayu Warisan Budaya Bangsa" yang merangkumi bidang berikut:

- Bahasa dan Peradaban;
- Bahasa dan Persuratan;
- Bahasa dan Linguistik;
- Bahasa dan Tradisi Lisan;
- Bahasa dan Tradisi Pendidikan;
- Bahasa dalam Falsafah dan Pemikiran;
- Bahasa dalam Kebudayaan, Kesusasteraan dan Kesenian;
- Bahasa dalam Politik dan Perundangan;
- Bahasa dalam Ekonomi dan Pembangunan Sosial;
- Bahasa Merentas Bidang Ilmu
- Dialektologi;
- Warisan Tulisan Jawi dan Khat; dan
- Makalah tentang bahasa dan sastera Indonesia yang berkaitan tema/subtema juga diterima.

Makalah hendaklah disediakan dan dibentangkan dalam bahasa Melayu. Namun, bahasa Inggeris boleh digunakan jika perlu.

Makalah terpilih akan diterbitkan dalam Jurnal Mahawangsa/ Linguistik atau jurnal lain yang relevan.

BORANG PENDAFTARAN

Dengan sukacitanya saya ingin menyertai Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-10 yang bertemakan Bahasa dan Sastera Melayu Warisan Budaya Bangsa. Maklumat saya adalah seperti yang berikut:

Nama : _____

Alamat: _____

Institusi: _____

Pekerjaan: _____

No. telefon (mudah alih) : _____

No. telefon (pejabat): _____

E-mel: _____

Penyertaan sebagai:

- Pemakalah individu
- Pemakalah pelajar
- Pemakalah berkumpulan
- Pemakalah pelajar berkumpulan
- Peserta individu
- Peserta pelajar
- Peserta berkumpulan
- Peserta pelajar berkumpulan

Bersama-sama ini disertakan bukti pembayaran yuran pendaftaran seminar secara pemindahan wang/cek/kiriman wang No. _____ atas nama BENDAHARI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (No. Akaun CIMB 8002151963).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Tandatangan dan Cap)